



SEMINAR TERTUTUP
PEMANTAPAN NILAI ISLAM
DALAM SISTEM ADAT PERPATIH

KERTAS KERJA 1

FLEKSIBILITI ADAT PERPATIH
DALAM PROSES ISLAMISASI

Oleh
Profesor Sidiq Fadhil
Jabatan Persuratan Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia

Pada
24hb. - 25hb. November 1997

Anjuran
JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI
dengan kerjasama
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

Oleh : Siddiq Fadzil

Pendahuluan

Islam di Alam Melayu mempunyai sejarah dan wajah yang unik dan menarik. Ia hadir di rantau ini dalam situasi persaingan antara agama, pertandingan antara tamadun, lalu muncul sebagai pemenangnya. Dalam perkembangan pesatnya di sepanjang abad-abad 13-16M ia hampir menyapu bersih seluruh daerah Melayu, daratan dan kepulauannya. Agama Islam dan kebudayaannya menyerap dan menyatu dengan Melayu sehingga menjadi ciri penentu definisi bangsa ini. Dalam sejarah perjuangan menentang kolonialisme Barat di dunia Islam, rantau Melayu (Melaka) merupakan daerah Islam pertama (1511M) melancarkan perang bersenjata. Seterusnya umat Melayu jugalah (bangsa Moro di Filipina Selatan) pemegang rekod sejarah perang anti penjajahan yang terpanjang. Di waktu yang sama, apabila daerah ini dibanjiri kaum imigran dari pelbagai agama dan budaya, ia menyerlah pula sebagai daerah Islam yang mempunyai semangat toleransi (antara agama) yang paling tinggi.

Kejayaan Islam seperti yang dicatatkan di atas, jelas amat terkait dengan kebijaksanaan strategi pendakwaan di Alam Melayu. Perkembangan Islam di daerah ini bermula agak lewat (abad 13M). Ketika itu sudah wujud budaya dan tamadun peribumi yang mengakar kuat dalam kehidupan rakyat. Namun proses Islamisasi tetap berlaku secara halus (subtle) dan beransur-ansur (gradual). Dengan demikian rakyat peribumi menerima Islam dengan rela, tanpa merasa dipaksa meninggalkan budaya warisan mereka, tanpa merasa didera agar berubah serta-merta.

Menerusi pendekatan tersebut orang Jawa tidak merasa dipaksa membuang tamadun warisan Hindu-Buddha-Kejawen yang sangat mereka banggakan itu. Demikian pula orang Minangkabau tidak merasa dipaksa meninggalkan budaya adat Perpatih mereka. Apa yang berlaku dalam proses pendakwaan bukanlah pembentrasan yang drastik dan radikal, tetapi penerapan worldview, prinsip, nilai dan nafas keislaman ke dalam budaya peribumi Melayu. Proses ini memang memakan masa, tetapi hasilnya cukup mendalam dan merata sehingga akhirnya terlaksana transformasi budaya yang sempurna. Hari ini kebudayaan Melayu sudah menjadi kebudayaan Islam. dan rantau Melayu pula merupakan salah satu zon kebudayaan Islam.

Memang Islam tidak bermaksud menghapuskan segala yang bersifat kebudayaan peribumi. Tidak semua unsur budaya peribumi itu negatif, malah sebaliknya banyak yang positif. Dalam hal-hal keduniaan Islam mengamalkan prinsip yang tersebut al-bara'at al-asliyyah atau al-ibahat al-asliyyah yang membawa maksud bahawa semuanya dibolehkan, kecuali yang dilarang.

Islamisasi Adat Perpatih

Dengan sikap dan semangat sedemikian itulah Islam menangani adat Perpatih. Adat yang telah lama berperanan mengatur kehidupan masyarakat Minangkabau itu tidak dihapuskan secara total, tanpa saring, tanpa tapis. Ia hanya diberi orientasi baru dan modifikasi seperlunya untuk disesuaikan dengan Islam. Dengan demikian adat yang tadinya berprinsip adat bersendi alur dengan patut mengalami Islamisasi lalu menjadi:

Adat bersendi syara'
syara' bersendi kitabullah.

Syara' , mengata, adat memakai

Gandingan syara' dengan adat yang harmonis itulah yang melahirkan kata-kata, syara' nan lazim, adat nan kawi. Maksudnya bahawa manusia Minang harus hidup berlandaskan syara' yang mesti dihayati di samping adat yang diperkuat dengan muafakat. Mereka yang mengenepikan prinsip tersebut dalam masyarakat Minang disebut orang yang berkitabullah di lengan, iaitu orang yang tidak memakai hukum syara' dan hukum adat, sebaliknya hanya memakai lengan, memaksakan kemahuannya dengan kekerasan. (Dada Meuraxa, 1974, 427-428).

Proses penyesuaian adat dengan syara' itu telah berlangsung terus-menerus sehingga berhujung kepada pengenalpastian apa yang tersebut sebagai adat Islamiah dan adat jahiliah. Umumnya unsur-unsur adat yang bertentangan dengan Islam - yang disebut adat jahiliah itu - telah ditinggalkan. Bagaimanapun hingga ke waktu akhir-akhir ini masih tersisa unsur-unsur yang belum jelas dan masih diperdebatkan. Ini termasuklah kedudukan Harato Pusako atau Pusaka Tinggi yang cara menurunannya tidak berdasarkan hukum fara'idh.

Isu Pusaka Tinggi

Yang disebut Pusaka Tinggi dalam adat Perpatih ialah harta (berupa hutan, tanah, sawah, ladang) yang diwarisi turun-temurun, dari ninik turun ke mamak dan dari mamak turun ke kemenakan sebagaimana yang terumus dalam petiti:

Birik-birik tabang kasawah,
dari sawah tabang kahalaman,
patah sayok tabang beranti,
Basuo ditanah bato.

Dari ninik turun kemamak,
dari mamak turun kakamanakan,
patah tumbueh hilang baganti,
pusako tatap baitu djuo.

Ladang nan babintalak,
sawah nan bapamatang.

Pusaka Tinggi yang didapat dengan tembilang besi (Pusaka Rendah didapat dengan tembilang emas) ini tidak boleh dijualbeli atau digadaikan sebagaimana yang ditetapkan oleh adat sebagai harta yang dijual tidak dimakan beli, digadai tidak dimakan sando. Bagaimanapun ada empat keadaan yang membolehkan ketetapan tersebut dilonggarkan:

Mayat tabujue ditangah rumah,
gadiah gadang tak balaki,
rumah gadang katirisan,
mambangkik batang taradam.

Pusaka jenis inilah yang sering dipermasalahkan kerana memang selamanya ia tidak diwariskan mengikut hukum fara'idh. Ulama yang berpendirian keras menganggapnya sebagai harta shubhah yang perlu dihindari. Kerana tidak senang dengan sistem adat seperti itulah sebilangan ulama anak Minang lebih suka menetap diluar dan tidak mahu pulang ke negeri tumpah darah mereka. Demikianlah sikap yang diperlihatkan oleh Syeikh Ahmad Khatib yang menetap di Makkah, Haji Agus Salim yang lebih banyak berada diluar Minangkabau dan Syeikh Tahir Jalaluddin yang memilih Tanah Melayu sebagai pusat gerakannya. (Deliar Noer, 1973, 19).

Bagaimanapun isu Pusaka Tinggi ini tidak boleh disimpulkan secara simplistik sebagai pertentangan adat dengan syara'. Kerana itu para ulama Minang sendiri tidak sekata. Dalam kaitan ini Hamka mencatatkan bahawa ulama-ulama yang menjadi tokoh penting Perang Padri (perang membanteras saki-baki adat Jahiliah di Minangkabau) seperti Haji Miskin, atau Haji Abdul Rahman Piobang, atau Tuanku Lintau tidak menjadikan Pusaka Tinggi sebagai sasaran. Demikian juga halnya dengan Tuanku Nan Renceh, tokoh Padri yang terkenal radikal itu.

Seterusnya Hamka menyebut pula tentang pendirian ayahnya (Haji Abdul Karim Amrullah) yang juga terkenal dengan kepeloporannya dalam gerakan menentang unsur-unsur adat yang bertentangan dengan Islam. Bagaimanapun yang beliau tentang adalah "dongeng-dongeng khayal yang tidak ilmiah" yang banyak terkandung dalam Tambo-Tambo Minangkabau. Juga amalan mewariskan Harta Pencaharian kepada kemenakan. Tetapi sistem penurunan harta Pusaka Tinggi tidak disinggunginya. (Mochtar Naim, 1968, 33).

Ternyata dalam isu ini beliau tidak sependapat dengan gurunya, Syeikh Ahmad Khatib yang mensifatkan harta yang diperoleh menerusi sistem pewarisan secara adat itu sebagai harta shubahat, malah sebagai hasil perampasan, pencabulan hak anak yatim dengan segala implikasinya. Pelakunya dianggap fasiq, tidak boleh menjadi saksi nikah, oleh itu nikah yang disaksikan tidak sah dan perlu diulangi. Ia harus bertaubat. Jika tidak, akan menjadi murtad, terkeluar dari umat dan tidak berhak dimakamkan secara Islam. (Shrieke, B.J.O., 1973, 36). Sebaliknya Haji Abdul Karim Amrullah menfatwakan bahawa harta pusaka Tinggi adalah "sebagai wakaf juga atau sebagai harta musabalah yang pernah dilakukan Umar bin Khattab pada hartanya sendiri di Khaybar, yang boleh diambil isinya tetapi tidak boleh ditasarrufkan tanahnya". Fatwa tersebut didasarkannya

kepada kaedah usul, al-adah muhakkamah, wa al-urf qadhin - adat diperkukuh, tradisi berlaku. (Mochtar Naim, 33).

Syeikh Ahmad Khatib tidak membezakan diantara Harato Pencaharian dengan Harato Pusako. Baginya kedua-duanya harus ditundukkan kepada hukum fara'idh. Tetapi murid-murid beliau menyedari perbezaannya. Kerana itu mereka akur dengan ketetapan bahawa Harato Pencaharian harus diperturunkan mengikut hukum fara'idh apabila pemiliknya meninggal dunia. Tetapi Harato Pusako sebagai harta milik suku tidak boleh difara'idhkan apabila berlaku kematian, kerana yang mati adalah individu yang bukan pemiliknya. Suku yang menjadi pemilik harta itu masih tetap hidup. Dengan demikian sebagaimana yang dicatat oleh Deliar Noer, Harato Pusako seharusnya dianggap sebagai wakaf suku. Untuk jenis wakaf seperti itu mereka cipta istilah baru Harato Musabalah (Deliar Noer, 218-219).

Mengaplikasikan sistem fara'idh ke atas harta Pusaka Tinggi ternyata tidak mudah. Harta yang telah dipusakai turun-temurun itu sudah tidak dapat dikesan asal-usul pemilik sebenarnya. Menyedari kekusutan punca pusaka sekemikian itu, Prof. Dr. Hazairin S.H., seorang ahli bidang hukum Islam yang terkenal itu menyimpulkan bahawa ia tidak dapat diurus dengan hukum Islam lagi. Dengan demikian beliau menyarankan, "Biarlah tetap dikungkung oleh adat. Pakailah secara sistem Minangkabau. Jalankanlah!". (Mochtar Naim 1968, 195). Beliau akur dengan ketetapan Kongres Bukittinggi 1952 bahawa Harato Pencaharian diwariskan mengikut hukum fara'idh, manakala Harato Pusako kekal dipusakai secara adat.

Cara pembahagian Pusaka Tinggi dalam sistem adat itu memang ada kejanggalannya. Tetapi menundukkannya kepada sistem fara'idh tidak pula menjadikannya Islamik, malah mungkin lebih tidak Islamik. Memfara'idhkan harta yang bukan milik mutlak si mati adalah bertentangan dengan syara'. Kerana itu pendirian para ulama yang bersetuju mengekalkan sistem adat tersebut memang dapat difahami. Namun mereka tetap merasa dituntut memberikan justifikasi syara'nya. Mungkin dalam rangka inilah ada di kalangan mereka yang bersandar kepada prinsip 'urf sebagai sumber hukum. Yang dimaksudkan dengan uruf seperti yang diungkapkan oleh Hasbi Asy Shiddieqy ialah adat kebiasaan yang dipandang baik oleh akal dan diterima oleh tabiat manusia yang waras. Menurut syari'at Islam mengakui 'urf sebagai sumber hukum kerana menyedari kenyataan bahawa adat kebiasaan telah memainkan peranan penting dalam mengatur lalulintas hubungan dan tertib sosial di kalangan anggota masyarakat. Adat kebiasaan telah berkedudukan pula sebagai hukum yang tidak tertulis dan dipatuhi kerana dirasakan sesuai dengan rasa kesadarn hukum mereka. Adat kebiasaan yang telah menjadi tradisi yang menyatu dengan denyut kehidupan masyarakat memang sukar dirubah. Kerana itu hal-hal yang tidak bertentangan dengan prinsip akidah dan tidak pula bertentangan dengan rasa keadilan dan perikemanusiaan, syari'at Islam bukan sahaja membiarkan hukum adat berlangsung terus, malah menempatkannya dalam kerangka hukum Islam itu sendiri. (Nourouzaman Shiddiqi 1997, 122-123).

Memasukkan Pusaka Tinggi ke dalam kategori wakaf merupakan cara penyelesaian yang mendapat dukungan agak meluas di kalangan ulama Minang. Namun dalam kaitan ini mereka juga amat menyedari masalah-masalahnya; terutama dari segi memenuhi persyaratan wakaf - pewakafnya, barang yang diwakafkan dan pihak yang menerima wakaf. Dua syarat yang terkemudian itu mungkin

memudah memenuhinya. Barang yang diwakafkan jelas (misalnya tanah), yang menerima wakaf juga jelas (kerabat suku), tetapi siapa pula yang mewakafkannya? Yang ada hanya penjaga atau pengurusnya dan bukan pemiliknya. Bagaimanapun ada yang telah cuba memecahkan kebuntuan tersebut, seperti Yahya S.H., seorang ahli hukum yang berpendapat, "Harta pusaka tinggi juga dapat diwakafkan atau dihibahkan asal seluruh ahli waris dan ekor waris menyetujuinya." (Mochtar Naim, 87). Andainya formula tersebut dapat diterima pada dasarnya, namun pada tahap pelaksanaannya mungkin masih ada kesulitannya.

Mungkin kerana menyedari masalah-masalah seperti itu, di samping mengakui uniknya 'uruf sistem adat tersebut, maka mereka ciptakan istilah baru Harato Musabalah, suatu variasi wakaf tersendiri, sejenis wakaf suku. Bagaimanapun apabila Harato Musabalah ini diqiyaskan dengan tanah 'Umar di Khaybar, timbul pula masalah ketepatan perbandingan tersebut. Tanah yang dimaksudkan itu jelas pemiliknya, iaitu 'Umar sendiri. Dengan demikian ia memang berhak secara syara' mewakafkannya. Sebaliknya dalam konteks Harato Musabalah soal pemilik sebenar itulah yang tidak jelas.

Di sepanjang sejarah perkembangan dialog syara' dan adat di Minangkabau memang terdapat babak-babak tegang dan emosional. Namun pada umumnya semangat lapang dada dan kesalingan di antara kedua pihak jelas lebih kuat. Sementara di pihak pemelihara adat ada kesediaan untuk memenuhi prinsip syara' mangato, adat mamakai, di pihak agamawan pula ada kesediaan untuk turut memelihara adat. Sikap para agamawan bukan memusuhi adat, tetapi mengislamkannya dan seterusnya melestarikannya. Semangat sedemikian itulah yang tampak pada tokoh-tokoh seperti Natsir dan Hamka. Dalam makalah berjudul, "Percaturan adat dan agama" yang ditulisnya pada tahun 1939, M. Natsir menyokong pendirian Persatuan Tarbiah Islamiah yang hanya meminta supaya Harato Pencaharian sahaja diwariskan mengikut undang-undang fara'idh, sedang harta pusaka yang bukan Harato Pencaharian "tidak dijadikan urusan".

Mengenai Harato Pusako, M. Natsir memberikan formula pengislamannya melalui dua cara. Pertama, dengan wasiat sebagaimana yang diperuntukkan oleh syara' bahawa setiap orang Islam boleh mewasiatkan tidak lebih sepertiga daripada hartanya kepada sesiapa yang dikehendakinya. Kedua, dengan memberikan habuan sekadarnya kepada kerabat yang hadir sewaktu pembahagian harta pusaka sebagaimana yang disarankan dalam Al-Qur'an (al-Nisa':8). Jalan keluar yang disarankan oleh M. Natsir itu bukan sahaja menjadikan Harato Pusako itu Islamik, malah memungkinkannya terus berkembang. Katanya,

jikalau hendak memperbesarkan harta "pusaka yang kawi" - yang memang buat orang Minangkabau besar juga manfaatnya sebagai ondersteuningsfonds bagi pamili, bila dapat diatur dengan baik dan adil - ada cukup terbuka jalan dengan jalan wasiat. Dengan ini waris dapat dijawab, pusaka dapat ditolong. Dengan cara yang baik sepanjang adat, halal pula sepanjang syara'. Dan tidak pula menganiaya anak yatim yang kematian bapa.....!

(M.Natsir, 1973, 169-183)

Dua jalan keluar yang disebut oleh M. Natsir itu (wasiat dan pemberian kepada kerabat yang hadir ketika pembahaian pusaka) mungkin bermaksud untuk diaplikasikan dalam konteks mewariskan harta pusaka kepada kemenakan. Dengan demikian kemenakan tetap mendapat habuan (sebagaimana dalam sistem adat) tetapi tidak sebagai pewaris. Yang berhak menerima pusaka secara syara' sebagai pewaris yang sah adalah anak-anak dan mereka yang sudah ditetapkan dalam hukum fara'idh. Dengan formula ini terlaksanalah aturan adat "anak dipangku, kemenakan dibimbing".

Sementara itu Hamka dalam kertas kerjanya, "Adat Minangkabau dan Harta Pusaknya" yang dibentangkan Seminar Hukum Adat Minangkabau pada tahun 1968, menyatakan bahawa kaum ulama telah memberikan sumbangan dalam mempertahankan harta pusaka dengan menilai kembali empat syarat yang membolehkan harta pusaka dijual atau digadaikan. Dengan memfatwakan pengharaman mengadakan jamuan (kenduri) di rumah orang kematian (yang biasanya dilakukan apabila ninik-mamak meninggal dunia) dan dengan melarang berbelanja besar di luar kemampuan untuk walimah, harta pusaka dapat diselamatkan dari terjual atau tergadai. Hamka lalu menyimpulkan, "bahawa kedatangan Islam bukanlah memperlemah adat, tetapi memperkuatnya". (Mochtar Naim, 34).

Kemungkinan-kemungkinan Masa Depan

Demikian berlalunya suatu pengalaman, terujinya kelangsungan adat apabila bertembung dengan Islam, selamatnya adat apabila ia bersedia menyesuaikan diri dengan kehendak syara'. Dengan masa yang terus beredar dan perubahan yang terus berlaku, ketahanan adat dan kesanggupannya menyesuaikan diri akan terus diuji. Ada yang meramalkan bahawa harato pusako akan semakin mengecil kerana tanah akan semakin mengurang sedang manusia akan semakin bertambah. Selain itu semakin ramai pula yang hanya mengamalkan hukum fara'idh sahaja dan tidak lagi menyumbang kepada Harato Pusako.

Ramalan tersebut mungkin ada kebenarannya. Michael G. Peletz yang membuat kajian di daerah Rembau, Negeri Sembilan (Disember 1978 - Mei 1980) mendapati wujudnya fenomena semakin mengurangnya tanah pesaka di daerah tersebut. Katanya,

Thus for the past fifty or so years most of the acreage acquired by the joint efforts of spouses during the course of their marriages (that is carian laki-bini) has not been accorded the status of tanah pesaka upon the transmission of the property to the couple's children and later their grandchildren and, as such, has not become clan property. Prior to the 1920s, by way of contrast, a married couple's carian laki-bini automatically became controlled tanah pesaka as soon as their grandchildren, if not their own offspring, inherited it. Moreover, even if the land was not yet classed as tanah pesaka it was inevitably awarded to female issue. Since that time, however, there have been relatively few instances of carian laki-bini becoming tanah pesaka. Due to this trend and to the related fact that greater attention has been devoted in recent decades to

the specifics of Islamic inheritance laws, males during the course of the past half century have received land which they would have been barred from inheriting under more traditional circumstances.
.....

Moreover, due to shifts in the categorization and registration of property only 24.7% of all Malay-held land in Rembau and a mere 11.2% of the most valuable acreage - rubber holdings - are designated as tanah pesaka. Stated briefly, only a fraction of villagers' most productive land is vested in the clan and held as a function of corporate kin group membership per se and the adat system has lost much of its former role in matters of ownership, inheritance, and other modes of property transfer. (Peletz, M.G., 1981, 36-37).

Demikian kehendak resam alam, sekali aia gadang, sakali tapian beranjak. Jika warga adat sendiri yang mahukan perubahan kerana memang ada justifikasi yang sah untuk berubah, maka tidak siapapun yang dapat menghalanginya. Kedudukan tanah pesaka seterusnya akan ditentukan dalam sejarah. Yang menjadi persoalan sekarang ini ialah bagaimana memaksimumkan pemanfaatan tanah pesaka yang masih ada, sesuai dengan kehendak syara', undang-undang negara dan peluang-peluang baru yang ditawarkan oleh pelbagai agensi.

Dalam rangka tersebut, harus dipastikan bahawa tidak ada tanah pesaka yang terbiar. Agama tidak hanya datang dengan hukum fara'idh. Tetapi ia juga membawa perintah mengusahakan tanah. Kerana itu 'Umar ibn al-Khattab r.a. selaku pemerintah (Amir al-Mu'minin) pernah bertindak mengambil balik tanah yang gagal diusahakan oleh pemiliknya, Bilal ibn al-Harith al-Muzaniy (meskipun tanpa kerelaan Bilal kerana ia adalah pemberian daripada Rasulullah s.a.w.). Menurut pertimbangan 'Umar r.a. pemberian yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. itu adalah dengan maksud untuk diusahakan. Kerana itu seseorang itu hanya berhak memiliki sekadar yang mampu diusahakan, manakala selebihnya harus dibahagikan kepada orang lain. Dengan bersandarkan kepada sebuah hadith Rasulullah s.a.w. tentang hak pemilikan yang terkait dengan pengusahaan, 'Umar membuat ketetapan, "Sesiapa yang membiarkan tanah (tanpa diusahakan) selama tiga tahun, lalu diusahakan oleh orang lain maka ia menjadi milik pengusaha itu: (Al-Madaniy, 1990, 174-176). Tanah dalam konteks ini mungkin tidak sepenuhnya menyamai sifat dan ciri tanah adat. Bagaimanapun yang perlu direnung adalah dari segi semangatnya, iaitu pandangan berat agama terhadap tanah terbiar.

Pemugaran tanah pesaka bukan cuma dengan menambah keluasanya, yang ternyata kian sukar. Yang lebih penting adalah peningkatan produktivitinya dengan cara-cara yang sesuai dengan perkembangan bidang perekonomian masa kini. Dalam kaitan inilah perlunya penyediaan program pembangunan dan pengembangan tanah pesaka, baik oleh pihak pemerintah atau agensi-agensi lainnya seperti Bayt al-mal, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) dan sebagainya. Dengan demikian Harato Pusako dapat mengembangkan fungsi tradisionalnya secara lebih berkesan sebagai sejenis "wakaf suku" dan dana kebajikan kerabat untuk tujuan-tujuan seperti pembiayaan pendidikan, perubatan, kecemasan dan sebagainya.

Penutup

Daya tahan sesuatu adat budaya sehingga tak lakang dek paneh, tak lapuak diujan tergantung pada kesanggupannya menyesuaikan diri dengan perubahan. Bagaimanapun perubahan tidak pula sampai terlepas dari kawalan. Mungkin inilah semangat yang tersirat di sebalik perbilangan adat:

Sakali aia gadang
sakali tapian baranjak,
walaupun baranjak
dilapiak sa'alai juo.

Usang-usang dipabaharui,
lapuak-lapuak dikajangi,
nan elok dipakai,
nan buruak dibuang,
kok singkek mintak diuleh,
panjang mintak dikarek,
nan umpang mintak disisit.

Bibliografi

- Abu Zahrah, al-Imam Muhammad 1972. *Muhadarat fi al-Waqf*.
Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabiyy.
- Al-Madaniy, Muhammad Muhammad 1990. *Nazarat Fi Ijtihadat al-Faruq 'Umar ibn al-Khattab*.
Beirut: Dar al-Nafa'is - Dar al-Fath.
- Akhria Nazwar 1983. *Syekh Ahmad Khatib*.
Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Dada Meuraxa 1974. *Sejarah Kebudayaan Sumatera*.
Medan: Penerbit Firma Hasmar.
- Deliar Noer 1973. *The Modernist Muslim Movement in Indonesia 1900-1942*.
Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mochtar Naim ed. 1968. *Menggali Hukum Tanah dan Hukum Waris Minangkabau*.
Padang: Center for Minangkabau Studies Press.
- M. Natsir 1973. *Capita Selecta*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Peletz, Michael G. 1981. *Social History and Evolution in the Interrelationship of Adat and Islam in Rembau, Negeri Sembilan*.
Singapore: Iseas.
- Shiddiqi, Nourouzzaman 1997. *Fiqh Indonesia - Penggagas dan Gagasan*.
Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Schrieke, B.J.O. 1973. *Pergolakan Agama di Sumatra Barat: Sebuah Sumbangan Bibliografi*.
Jakarta: Bhratara.